

RM4.6j bina kolam

Projek dijangka siap tahun depan, bantu elak kejadian banjir berulang

BANTING - Kerajaan Selangor meluluskan Projek Kolam Takungan Pekan Banting Fasa 1, bagi mengelakkan banjir berlaku di beberapa kawasan di sini.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, projek yang dianggarkan bernilai RM4.6 juta itu sedang rancak dijalankan dan dijangka siap selewat-lewatnya tahun depan.

Menurutnya, projek itu sebagai persediaan berdepan masalah banjir dan perkembangan susulan akan dilihat supaya ia berjaya mengatasi masalah berkenaan.

“Projek kolam takungan air yang sedang dijalankan adalah lokasi takungan air hujan mengalir ke longkang dan berkumpul di kawasan itu sebelum dialir ke sungai.

“Kaedah itu perlu dilakukan supaya tiada lagi air melimpah di kawasan pekan yang pernah beberapa kali berlaku sehingga mengakibatkan banjir di kawasan perumahan dan depan



Abdullah Sani melihat pelan pembinaan Projek Kolam Takungan Air Pekan Banting Fasa 1 bersama sebahagian wakil JPS.

premises kedai di beberapa kawasan sekitar Banting,” katanya selepas mengadakan lawatan kerja bersama wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Langat, semalam.

Abdullah Sani berkata, projek itu boleh mengubah senario banjir di pekan Banting dan jika berjaya, pihaknya akan memohon peruntukan un-

tuk membuat projek sama di kawasan Telok Bunut di sebelah kiri Banting menghala Kuala Lumpur.

Menurutnya, kolam takungan air itu juga difahamkan dapat menampung 50,000 liter air dalam satu masa yang diharap memberi manfaat kepada semua pihak terutama pada musim hujan.